

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' WIRA  
OTHMAN BIN AZIZ**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan yang diperoleh daripada *Automatic Enforcement System* (AES) kerana kesalahan pemandu dan adakah kaedah ini akan diperkenalkan semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem penguatkuasaan automatik atau dengan izin, *Automated Enforcement System* (AES) bagi menguatkuasakan peraturan pematuhan had laju dan lampu isyarat adalah masih beroperasi dan dikuatkuasakan. AES ini juga semenjak 2016 telah dijenamakan dan dikenali sebagai ***Automated Awareness Safety System*** atau **AwAS** bagi mewakili objektif utama pelaksanaan sistem ini iaitu untuk mengubah minda serta memberi pengajaran dan kesedaran kepada orang ramai untuk mematuhi peraturan jalan demi menjaga tahap keselamatan dan kebajikan semua pengguna jalan raya.

Mulai 1 September 2018, semua aspek pengoperasian, penyelenggaraan, pembangunan dan penguatkuasaan AwAS telah diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

Jumlah hasil kutipan yang diperolehi daripada pembayaran kompaun atau denda AwAS mulai 1 September 2018 sehingga 30 September 2021 adalah berjumlah **RM9,759,300**. Dalam hubungan ini, aktiviti penguatkuasaan melalui sistem AwAS adalah masih berjalan seperti sedia ada berpandukan kepada kaedah dan garis panduan operasi standard yang telah ditetapkan di JPJ.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 12**